

**UCAPAN OLEH
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2004,
AT PWTC, KUALA LUMPUR
23 SEPTEMBER 2004**

"MELANGKAH KE HADAPAN – MENEROKA KECEMERLANGAN"

Yang Berbahagia Timbalan Pengerusi Tetap
Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Naib Presiden-Naib Presiden UMNO
Ketua Pergerakan-Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri
Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan UMNO
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi
Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad
Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali
Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta
Menteri-Menteri dan Ketua Menteri-Ketua Menteri
Barisan pemimpin parti-parti komponen BARISAN NASIONAL
Wakil parti-parti dari luar negara
Para perwakilan dan para pemerhati
Saudara-saudari hadirin yang dihormati

MUKADIMAH

Saya bersyukur ke hadrat ILAHI kerana dengan limpah rahmat dan inayat dariNya juga, Perhimpunan Agung UMNO sekali lagi dapat dilangsungkan. Saya berterima kasih kepada setiap seorang ahli UMNO dan setiap peringkat jentera parti; Cawangan, Bahagian, Badan Perhubungan, Pergerakan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri, serta rakan-rakan dalam Majlis Tertinggi yang telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing termasuk menyempurnakan mesyuarat-mesyuarat tahunan parti hingga memungkinkan perhimpunan hari ini dapat berlangsung.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari yang mendapat sokongan dan telah diberi kepercayaan memimpin parti di peringkat cawangan dan bahagian. Saya juga mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan baru Pergerakan-Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri yang telah dipilih dalam perhimpunan Pergerakan masing-masing yang telah berlansung hari semalam. Penuhilah harapan dan kepercayaan ahli-ahli secara bertanggungjawab – secara amanah; demi kepentingan perjuangan parti untuk memartabatkan bangsa, negara dan agama.

3. Perhimpunan hari ini dilangsungkan dalam suasana negara baru merayakan hari ulang tahun kemerdekaan kali ke empat puluh tujuh. Perhimpunan ini dilangsungkan ketika UMNO telah mencapai usia 58 tahun. Perhimpunan kali ini juga meletakkan satu tanggungjawab baru kepada saya, untuk pertama kalinya mengisi agenda, menyampaikan ucapan dasar Presiden parti.

4. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang lebih dikenali dengan nama UMNO merupakan parti politik terbesar di tanahair kita dengan keahlian sejumlah 3.2 juta orang. Parti yang mula diasaskan di bawah pimpinan Dato Onn Jaafar (Allahyarham) telah bersilih ganti pimpinannya dari Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Al Marhum), Tun Abdul Razak Hussin (Allahyarham), Tun Hussein Onn (Allahyarham) dan Tun Dr. Mahathir Mohamad, sebelum tanggungjawab pimpinan parti diserahkan kepada saya. Alhamdulillah, dalam perjalanan menempuh usia 58 tahun, UMNO bertambah kukuh – bertambah matang.

5. Kita terhutang budi kepada setiap seorang dari mereka yang telah mewariskan kepada kita UMNO yang kukuh lagi matang. Kepada mereka yang telah kembali ke Rahmatullah, kita doakan semoga roh mereka berada di kalangan para solehin. Sempena perhimpunan ini sama-samalah secara ikhlas kita bacakan Surah Al Fatihah. Semoga bacaan tersebut diterima sebagai amal soleh oleh Allah SWT. Semoga ganjaran dari amal ini di sampaikan kepada roh-roh para pejuang UMNO yang telah kembali ke Rahmatullah. Al Fatihah.

6. Kita merakamkan setinggi penghargaan kepada mereka yang telah pernah memimpin UMNO dan kini telah memilih mengundurkan diri dari barisan kepimpinan. Walaupun begitu, mereka kekal aktif dan cecal bersama menyokong usaha kita. Perkhidmatan, jasa bakti dan pengorbanan mereka amatlah berharga, kekal terukir dalam ingatan – kekal terpacat dalam kenangan. Kita mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan mereka dan keluarga, terutamanya kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO kelima yang hadir bersama Tun Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali di Majlis ini. Dalam usia 58 tahun UMNO, Tun Dr. Mahathir mencatat sejarah sebagai Presiden UMNO yang paling lama, memimpin UMNO selama lebih 22 tahun. Dalam tempoh masa beliau memimpin UMNO dan memimpin kerajaan, beliau telah membawa perubahan besar kepada pembangunan negara dan bangsa. Keputusan beliau mengundur diri ketika gagah berada di puncak kuasa adalah tanda bukti sifat ikhlas seorang negarawan yang tidak tamak kepada kuasa.

7. Kita juga amat menghargai kehadiran bekas-bekas pemimpin UMNO di pelbagai peringkat. Kehadiran setiap seorang dari mereka adalah tanda bukti hubungan kasih – ikatan setia mereka kepada UMNO. Mereka bukan sahaja pernah menjadi pemimpin yang dapat dijadikan teladan, malah adalah contoh ahli UMNO yang benar-benar menghayati semangat BERSATU! BERSETIA! BERKHIDMAT!

Saudara-saudari,

8. Pilihanraya umum kesebelas telah berlangsung pada 21hb Mac 2004. UMNO mencapai kejayaan gemilang. 109 dari 117 kerusi Parlimen yang diperuntukkan

kepada UMNO telah kita menangi. Calon-calon UMNO di peringkat Dewan Undangan Negeri telah memenangi 303 dari 338 kerusi yang kita tandingi. Bersama parti-parti komponen, BARISAN NASIONAL telah memenangi 199 dari 219 kerusi Parlimen dan 452 dari 505 kerusi Dewan Undangan Negeri. BARISAN NASIONAL sekali lagi berjaya membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan dan menguasai 12 kerajaan negeri. Kerajaan Terengganu kembali kepada BARISAN NASIONAL menguasai 28 dari 32 kerusi Dewan Undangan Negeri. Satu kemenangan besar. Di Kelantan, kita menjadi anggota pembangkang yang kuat, menguasai 21 dari 45 kerusi Dewan Undangan Negeri. Bagi kawasan Parlimen, BARISAN NASIONAL memenangi 9 dari 14 kerusi. BARISAN NASIONAL di Kelantan, adalah satu tenaga politik yang dinamik dan penuh potensi. BARISAN NASIONAL di Kelantan tidak lagi melukut di tepi gantang.

9. Dalam pilihanraya kecil yang diadakan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kuala Berang pada 28hb Ogos 2004, BARISAN NASIONAL bukan sahaja berjaya mempertahankan kerusi tersebut, tetapi merekodkan kejayaan lebih besar dengan meningkatkan majoriti undi dari majoriti 1,695 yang diperoleh ketika pilihanraya umum kepada majoriti 2,059. Bagi Dewan Undangan Negeri Ba'Kelalan juga, BARISAN NASIONAL turut berjaya mempertahankan kerusi tersebut.

10. Saya berterima kasih kepada ahli-ahli parti yang tekun berusaha – kuat bekerja, dengan penuh disiplin – penuh komitmen, menyusun jentera secara teratur – mengatur program secara tersusun, memungkinkan parti mencipta kejayaan – mencipta kegemilangan. Saya berterima kasih kepada parti-parti komponen BARISAN NASIONAL yang sama-sama bekerja kuat, dengan kesefahaman erat, mendukung satu manifestasi perjuangan untuk membangunkan Malaysia yang lebih sejahtera; Malaysia yang lebih bersatu; Malaysia yang lebih maju. UMNO dan rakan-rakan dalam BARISAN NASIONAL kekal senada dalam bersuara – serentak bertindak dalam bergerak. Saya lebih berterima kasih kepada sokongan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia yang memperlihatkan kematangan berpolitik. Rakyat Malaysia yang objektif membuat penilaian – rasional membuat pilihan. Rakyat Malaysia yang sama-sama menghayati semangat 'Bekerja Bersama Saya'; lalu memberikan kepercayaan kepada kita untuk membawa Malaysia mencapai tahap cemerlang, gemilang, terbilang.

11. Keputusan pilihanraya memperlihatkan bahawa pendekatan progresif dan amalan sederhana berjaya mengalahkan ideologi konservatif dan amalan ekstremisme. Keputusan pilihanraya meyakinkan kita bahawa dalam menghadapi diayah PAS, kita tidak perlu mengubah falsafah – kita tidak perlu mengubah kaedah perjuangan – kita tidak harus latah. Kita sama sekali tidak harus terperangkap dengan cara perjuangan mereka. Kita tidak perlu terikut-ikut dengan muslihat memperalatkan agama. Yakinlah! cahaya kebenaran, tidak mungkin terlindung selama-lamanya oleh kabus kepalsuan.

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ

إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا

“Dan katakanlah: Telah datang kebenaran dan hilang lenyaplah perkara yang salah; sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang telah lenyap.” (Al-Israa’:81)

12. Kejayaan UMNO adalah kejayaan perjuangan yang mengamalkan kesederhanaan – perjuangan yang mengutamakan kemajuan. Perjuangan yang insaf dan sedar bahawa umat Islam perlu menjadi umat yang maju. Untuk maju, umat Islam perlu mencipta kejayaan di dunia di samping membekalkan diri untuk menghadapi alam akhirat. UMNO kini membuktikan kepada dunia akan contoh pendekatan Islam secara progresif. Untuk itu UMNO harus meningkatkan penghayatan akan konsep pembangunan yang kita bawa melalui Islam Hadhari.

ISLAM

Saudara-saudari

13. Islam adalah sebaik-baik ajaran dan panduan dari Allah SWT untuk manusia sejagat. Sebagai hamba Allah, manusia wajib menzahirkan kesyukuran kepada Allah yang Maha Mencipta, bermuhasabah dan bersedia merenung kelemahan diri. Sebagai hamba Allah yang senantiasa bertahmid dan bertasbih kepada Penciptanya, manusia bertanggungjawab melaksanakan tuntutan dan bertanggungjawab meletakkan Islam di mercu kemuliaan. Sebagai rakyat kepada sebuah negara, manusia wajar berterima kasih kepada negara dan berterima kasih kepada kepimpinan negara – kepimpinan yang berjaya menguruskan sebuah negara yang aman lagi makmur dengan adil dan beramanah. Sebuah negara yang dapat menyediakan kemudahan dan memperlengkapkan persekitaran untuk memudahkan manusia mencipta kejayaan demi kejayaan, serta hidup dalam permuafakatan dan kesejahteraan.

14. Sejak ditubuhkan, dari perjuangan menentang penubuhan Malayan Union, disusuli dengan perjuangan mencapai kemerdekaan, mengisi kemerdekaan, memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru, dan pelbagai perkara lain yang diperjuangkan, UMNO memilih pendekatan yang tidak mengamalkan kekerasan. Di sebaliknya, kekuatan UMNO terbukti dilandaskan kepada pendekatan perjuangan penuh berhikmah (bilhikmah). Perjuangan yang berasaskan tamadun bangsa yang mementingkan kebijaksanaan akal dan pemikiran rasional. Perjuangan berpandukan budi pekerti tinggi dan jiwa yang tenang.

15. Pendekatan sedemikian akan terus diamalkan dan dijadikan budaya UMNO, selaras dengan seruan yang terkandung di dalam Al Quran,

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ
وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي
هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.” (An-Nahl: 125)

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ
أَدْفَعُ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا
الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ
كَأَنَّهُ وَوَلِيُّ حَمِيمٌ

“Dan tidakkan sama (kesan dan hukumnya) perbuatan yang baik dengan perbuatan jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepada kamu) dengan cara yang baik, apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadap mu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.”

(Fussilat: 34)

16. Kerana itu dakwah Islam diseru untuk disampaikan secara penuh hikmah, secara memberi peringatan, secara nasihat, secara seruan – disampaikan dengan baik melalui dialog dan pertukaran fikiran. Perjanjian Hudaibiyah adalah pengajaran besar yang wajib dijadikan petunjuk, betapa kejernihan hati nurani umat Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW yang berpegang kepada prinsip bahawa peperangan dan kekerasan bukan satu jalan pintas yang boleh membawa kejayaan. Kalimah-kalimah Allah yang terkandung di dalam Al-Quran disampaikan dengan penuh berhikmah, menyeru, menegur, memperingatkan dan menasihati manusia ke jalan kebaikan – jalan yang menuju kedamaian – jalan yang mendapat keredaan ILAHI.

Saudara-saudari

17. Islam Hadhari memberi tekanan kepada pembangunan. Pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban. Peradaban yang dicanai dengan pegangan Islam dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan. Mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta pembangunan fizikal. Mempertingkatkan mutu kehidupan dengan mengamalkan sistem ekonomi, sistem perdagangan dan sistem kewangan yang dinamik. Pembangunan sepadu dan seimbang bagi melahirkan umat yang berilmu dan beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur lagi amanah, serta bersedia menangani cabaran semasa dunia global.

18. Islam Hadhari bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas – kepada fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam Al Quran dan Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari jika ditafsir secara ikhlas – jika difahami secara jelas, sama sekali tidak akan memesongkan mana-mana umat Islam dari asas akidah. Bukannya budaya UMNO untuk bermain dengan agama. UMNO tidak pernah membenarkan agama dijadikan alat. UMNO menentang tegas agama dipolitikkan. UMNO menentang keras jika Islam dijadikan alat – dijadikan instrumen yang boleh memesongkan akidah. Kerana itu UMNO memastikan bahawa Islam dan umat Islam senantiasa dilindungi. Atas kesedaran tersebut, UMNO ketika terlibat secara langsung menggubal Perlembagaan Persekutuan, memasukkan artikel-artikel tertentu mengenai Islam dan meletakkan Islam di bawah naungan bidang kuasa Ketua Negara dan Ketua Negeri.

19. Sebagai parti yang bertanggungjawab melindungi kesucian Islam dan memastikan umat Islam tanpa tergelincir akidah, akan dapat menghadapi cabaran dan realiti semasa, pintu ijtihad perlu terbuka supaya tafsiran yang diwarisi dapat dikaitkan dengan bentuk dan corak pembangunan mengikut masa – mengikut tempat. Adalah perlu diteliti semula pelbagai pendekatan dan kaedah untuk diperkemas supaya lebih seimbang dan menyeluruh, merangkumi pembangunan prasarana dan pembangunan ekonomi, diperkukuhkan dengan pembangunan manusia melalui program pendidikan yang komprehensif, diperlengkap pula dengan program pembangunan rohani untuk menyemaikan nilai-nilai murni dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.

20. Islam Hadhari akan memastikan pencapaian sepuluh prinsip utama:

- I. Keimanan dan ketakwaan kepada ILAHI
- II. Kerajaan adil dan beramanah
- III. Rakyat berjiwa merdeka
- IV. Penguasaan ilmu pengetahuan
- V. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- VI. Kehidupan berkualiti
- VII. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
- VIII. Keutuhan budaya dan moral
- IX. Pemeliharaan alam semula jadi
- X. Kekuatan pertahanan

21. Prinsip-prinsip ini adalah menurut acuan yang diadunkan supaya amalan dan pendekatannya tidak akan menimbulkan salah faham dan kebimbangan kepada mana-mana pihak dalam sebuah negara yang komposisi rakyatnya berbilang agama – berbilang kaum. Pendekatan yang digariskan juga adalah untuk memperkasakan umat Islam supaya berupaya menghadapi cabaran dunia semasa.

22. Islam Hadhari adalah Islam yang syumul atau komprehensif dengan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun yang menyeluruh – berupaya menjadi penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing bangsa Melayu. Warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam dalam semua bidang perlu dijadikan rujukan dan sumber inspirasi memajukan bangsa Melayu.

23. Perubahan minda Melayu memerlukan satu tindakan secara menyeluruh, secara drastik, secara sistematik, dan tidak bersifat sektor atau partisan. Ini memerlukan satu perubahan tasawur (pandangan global) bangsa Melayu. Selaras dengan itu, konsep hidup sebagai pengabdian kepada Tuhan dan konsep kerja sebagai ibadah, manusia sebagai khalifah dan kewajiban mencapai kekuatan dalam semua bidang kehidupan perlu dititikberatkan, khususnya prinsip maqasid al Syariah adalah berkaitan dengan lima perkara seperti berikut:

- I. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan agama
- II. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan akal
- III. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan nyawa
- IV. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan harta
- V. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan keturunan

24. Usaha yang konsisten hingga menghasilkan kejayaan yang berterusan perlu dirancang. Segala bentuk pemikiran yang mengelirukan dan tidak bersesuaian dengan kefahaman Islam perlu dikikis supaya pemikiran dan jati diri bangsa Melayu dapat dibentuk. Perubahan sikap dan budaya Melayu memerlukan peranan berijtihad dan berjihad. Konsep jihad perlu ditafsirkan secara lebih luas, meliputi aspek kehidupan manusia seperti menuntut ilmu, menguasai sains dan teknologi serta melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi. Peningkatan kualiti (itqan) dalam semua

urusan dan kegiatan kehidupan merangkumi bidang pendidikan, penguasaan sains dan teknologi serta aktiviti-aktiviti ekonomi, hendaklah dijadikan budaya. Ijtihad membina ummah dalam zaman moden ini perlu diberikan perhatian dan diberikan pengiktirafan.

25. Bangsa Melayu perlu diberikan kefahaman Islam yang membolehkan bangsa menghayati dan mewarisi wawasan ketamadunan global (Rahmatan Lil'alamin) untuk membolehkan bangsa berperanan secara berkesan diperingkat global. Semangat persaudaraan (ukhuwah Islamiah) perlu dipupuk dan disemarakkan bagi menghasilkan rangkaian sosial yang mantap sebagai satu strategi ke arah meningkatkan daya saing Melayu. Bangsa Melayu perlu menghargai dan menghayati sifat berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada pihak lain. Sikap dan nilai-nilai negatif bangsa Melayu diubah kepada nilai-nilai yang terkandung di dalam tasawwur Islam.

26. Bangsa Melayu perlu dijadikan masyarakat iqra dalam hasrat mahu membina kemampuan bangsa dari segi peningkatan penguasaan ilmu, kemahiran dan kepakaran. Tuntutan Islam mewajibkan umat menguasai ilmu dalam semua bidang perlu dihayati. Perlu diperbetulkan sebarang salah faham terhadap konsep ilmu agar tidak berlaku pemisahan antara ilmu sekular dengan ilmu agama. Bahawa penguasaan sains dan teknologi serta peningkatan kemahiran dan kepakaran merupakan sebahagian dari tuntutan Islam. Begitu banyak ayat-ayat di dalam al-Quran yang menyentuh soal penguasaan sains dan teknologi, yang perlu diberikan perhatian oleh bangsa Melayu. Sumbangan tamadun Islam dalam sains dan teknologi yang membawa kepada kelahiran renaissance di Eropah wajib diketahui oleh semua pelajar Islam. Usaha melahirkan saintis Melayu yang dapat menghasilkan penemuan-penemuan baru perlu diperbanyakkan.

Saudara-saudari

27. Melayu, UMNO dan Islam di negara ini tidak dapat dipisahkan. Ianya adalah satu cantuman yang telah membina satu budaya – satu bangsa – satu identiti. UMNO bertanggungjawab melalui perkataan – melalui perbuatan, mencerminkan imej – membina budaya Islam sebenar. Budaya yang mengimbangkan tanggungjawab dunia dengan tanggungjawab akhirat. Antara fardu kifayah dengan fardu ain. Bahawa tanggungjawab dunia yang dilakukan secara sempurna dengan niat ikhlas, InsyaAllah mendapat keredaan ILAHI, diterima sebagai amal yang dapat dijadikan bekalan untuk kehidupan di akhirat.

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ
أَدْفَعُ بِأَلْتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا
الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ
كَأَنَّهُ وَلى حَمِيمٌ

“Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepada mu (kebahagian) akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagian mu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada mu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”
(al Qasas: 77)

28. UMNO hendaklah membawa wadah perjuangan yang dapat membawa umat menghadapi dunia secara positif. Bahawa dunia adalah satu perjalanan yang harus dimanfaatkan dalam proses pengabdian manusia kepada Allah SWT dengan menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah secara sempurna – secara jujur – secara telus – secara amanah. Manusia tidak mungkin berjaya memanfaatkan dunia ini dengan baik jika sikap dan pandangannya terhadap dunia tidak tepat sebagaimana mestinya, kerana alam dan fenomenanya diciptakan dan ditundukkan oleh Allah SWT untuk manusia diturunkan sebagai khalifah. Kerana itu, amatlah penting untuk umat manusia itu diperlengkap dengan ilmu – dengan pengetahuan – dengan kemahiran, supaya membolehkan manusia menguasai dunia.

29. Amatlah penting umat Islam dipimpin memahami dan menghayati Islam sebagai sistem kehidupan menyeluruh untuk menggerakkan pembinaan satu tamadun. Kehidupan menyeluruh yang bijak mengimbangkan tanggungjawab dunia dengan tanggungjawab akhirat. Islam bukanlah satu ritual kerana ritualisme memberi tumpuan kepada akhirat semata-mata. UMNO juga tidak pernah bersifat sekularisme yang menolak akhirat dan memberi tumpuan kepada dunia semata-mata. Islam mestilah dihayati sebagai sistem yang mengintegrasikan kehidupan duniawi dan persiapan ukhrawi.

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Saudara-saudari

30. Kita adalah sebuah negara yang aman lagi stabil. Kita adalah sebuah negara demokrasi yang berjaya mengamalkan sistem pilihanraya yang terbuka lagi telus. Kita menjadi negara Islam contoh, yang berjaya mengimbangkan pembangunan fizikal dengan pembangunan rohani. Kita merupakan negara pelbagai agama – pelbagai kaum yang menjadi contoh dari segi kejayaan memupuk perpaduan dan berkongsi kuasa politik. Kita adalah negara contoh dari segi pencapaian ekonomi dan kestabilan politik di kalangan negara membangun.

31. Dalam tempoh kurang setengah abad kita berjaya sampai ke peringkat kejayaan ini. Kejayaan yang mungkin merupakan satu impian kepada banyak negara di dunia ini. Untuk itu kita bersyukur ke hadrat ILAHI dan kita amat berterima kasih kepada rakyat yang senantiasa bersama kita, sepakat dalam fikiran – senada dalam bersuara – selangkah dalam tujuan – seiring dalam bertindak. Segalanya kita capai – kita peroleh bersama, mencipta kejayaan – mengukir sejarah, dalam semangat bulat muafakat – dalam semangat ringan dijinjing, berat dipikul. Segalanya kita capai – kita peroleh, bersandarkan prinsip kemanusiaan – bertiangkan keadilan –

berlandaskan kebenaran – bernaungkan bimbingan ILAHI. Kita berpegang dan terus berpegang kepada keyakinan bahawa Allah SWT akan melimpahkan rahmat dan perlindungan kepada hamba-hambanya yang beriman dan bertakwa, berusaha lagi bersyukur.

32. Tahap pencapaian ini telah meningkatkan keyakinan dunia kepada kita, lalu kita serentak diberikan peranan penting – diberi kepercayaan menjadi Pengerusi kepada Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Kita menerima amanah – kita menerima tanggungjawab ini. Kita bersyukur dengan penghormatan ini – kita menghargai kepada sokongan yang diperolehi. Pengharapan tinggi diletakkan kepada kita dalam memenuhi peranan sebagai Pengerusi OIC dan NAM.

33. Perpaduan di kalangan anggota-anggota OIC perlu diusahakan. OIC secara kolektif perlu membersihkan prasangka buruk yang dilukiskan terhadap umat Islam di seluruh dunia. Masyarakat antarabangsa hendaklah berhenti dari mewarnakan Islam dengan keganasan, kemiskinan dan kemunduran. OIC perlu menangani unsur-unsur pertentangan yang semakin menimbulkan kerenggangan hubungan antara Islam dengan dunia barat. Pada masa yang sama, tahap kemajuan dan pembangunan di kalangan anggota NAM perlu ditingkatkan. Potensi kerjasama yang dapat dijalinakan untuk membantu perkembangan dan pembangunan ekonomi di kalangan anggota NAM perlu diterokai secara optimum.

34. Dengan rasa penuh tanggungjawab kita berazam untuk memenuhi amanah tersebut sebaik mungkin, berpandukan petunjuk dari ILAHI serta bersandarkan persefahaman – berlandaskan kesepakatan dari negara-negara anggota. Kita berazam meningkatkan hubungan kerjasama OIC dan NAM, terutama dalam bidang-bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan dan kebudayaan. Kita akan perkukuhkan OIC dan NAM menjadi organisasi yang lebih mantap di pentas politik antarabangsa. Kita yakin OIC yang bersatu – NAM yang bersatu, OIC dan NAM yang maju lagi membangun, merupakan satu tenaga – satu 'force' yang boleh mencorakkan dunia lebih aman, lebih tenteram, lebih stabil, lebih makmur. Kita akan terus berusaha meningkatkan kesedaran dan fahaman dunia betapa pentingnya di rangka agenda antarabangsa untuk membasmi kemiskinan di peringkat global.

35. Isu Palestin yang masih belum selesai merupakan isu sentral yang perlu dihadapi oleh umat Islam seluruh dunia dan komuniti global. Kita akan terus berusaha dan bersuara, mencari sebaik penyelesaian, penyelesaian yang adil dan berkekalan berhubung Palestin, selaras dengan Roadmap Quartet untuk Palestin yang telah dipersetujui. Masyarakat antarabangsa harus sama-sama membela hak rakyat Palestin untuk memiliki sebuah negara berdaulat lagi merdeka dengan ibu negaranya terletak di Al Quds Al Shariff (Jerusalem).

36. Kita mahukan dunia yang aman – dunia yang damai. Malaysia akan terus merintis usaha untuk memastikan dunia yang lebih aman – dunia yang lebih damai. Bahawa orde dunia yang aman dan damai hanya dapat diwujudkan apabila ia dilandaskan kepada beberapa prinsip utama:

- I. Menghormati undang-undang dan institusi antarabangsa

- II. Menghormati kedaulatan kemerdekaan sesebuah Negara
- III. Menyelesaikan pertikaian secara rundingan
- IV. Tidak menggunakan kekerasan melainkan dengan mendapat restu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- V. Mengagihkan kekayaan secara saksama demi kebahagiaan manusia sejagat

37. Dasar luar Malaysia berpegang dan akan terus berpegang kepada gagasan yang mengutamakan kepentingan nasional kita. Malaysia tidak mempunyai sebarang ideologi untuk dieksport. Malaysia juga tidak ada agenda sulit untuk dilaksanakan di mana juga tempat di dunia ini. Malaysia kekal mempertahankan dasar luar yang bebas lagi berkecuali. Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara lain untuk memajukan persekitaran serantau dan persekitaran antarabangsa yang stabil lagi aman. Untuk membangunkan dan memakmurkan negara, Malaysia tidak mungkin melaksanakannya secara bersendirian. Kita perlu membina rangkaian kerjasama dengan negara-negara lain. Malaysia perlu meningkatkan diplomasi ekonominya, bukan sahaja di peringkat bilateral malah di peringkat serantau dan di peringkat global.

38. Kita akan meneruskan jalinan dengan negara-negara di dunia dan akan saling bekerjasama dalam usaha mencapai matlamat perjuangan yang sama. Kita mengutamakan kemakmuran serantau. Untuk itu kita cekaal berusaha meningkatkan persefahaman kerjasama dengan negara-negara ASEAN berteraskan semangat asal penubuhan ASEAN untuk mewujudkan sebuah rantau yang aman, stabil lagi berkecuali. Malaysia akan meningkatkan usaha memperteguh ASEAN dan memperkukuhkan kedudukannya di arena antarabangsa. Kita akan mempertingkatkan usaha untuk memastikan ASEAN mencapai tahap integrasi politik dan integrasi ekonomi dalam usaha membina komuniti ASEAN. Secara bersungguh Malaysia akan menerokai segala usaha diplomasi memastikan terjalannya perkongsian yang lebih bermakna antara negara-negara ASEAN dengan tiga negara Asia Timur – Cina, Jepun dan Republik Korea, dengan tujuan untuk Sidang Kemuncak Asia Timur dapat dilangsungkan.

39. Kita berazam menjadikan Asia Timur kawasan yang maju dan makmur. Kita berusaha ke arah membentuk Asia yang aman dan stabil. Kita kekal mengamalkan pemikiran terbuka merangkaikan hubungan diplomasi yang bermakna dari segi politik, ekonomi, perdagangan dan kebudayaan dengan semua negara selagi dasar saling menghormati terus diamalkan. Bahawa kedaulatan dan kemerdekaan setiap negara perlu dihormati. Bahawa corak pemerintahan sesebuah negara adalah milik warga di negara berkaitan untuk menentukannya.

40. Dunia memerlukan persekitaran lebih conducive untuk memungkinkan orde antarabangsa yang lebih adil dan saksama dapat diwujudkan. Dunia tentunya merasa bimbang dalam keadaan terdapat satu kuasa besar sahaja yang melakukan dominasi ketenteraan, dominasi ekonomi, dominasi politik dan dominasi budaya. Dunia akan menjadi lebih aman dan lebih makmur jika kekayaan dapat diagihkan secara lebih saksama – jika penindasan politik, penindasan ketenteraan, penindasan ekonomi dan penindasan perdagangan dapat dihentikan. Kekayaan dunia perlu diagihkan secara seimbang – perdagangan dunia perlu berbentuk lebih saksama. Kekayaan perlu digunakan untuk membantu membangunkan ummah dunia dari segi

perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan kebajikan. Kita mahukan sebuah dunia yang memberi keadilan kepada yang lemah, yang lemah diberikan peluang, yang lemah merasakan ada harapan meningkatkan taraf sosial dan taraf ekonomi mereka. Kita akan berusaha ke arah yang dapat merapatkan jurang antara negara mundur dengan negara maju.

41. Dunia menjadi lebih bahagia dan pastinya memberi keselesaan kepada negara-negara maju, apabila manusia sejagat dapat diseimbangkan pencapaian mereka dari segi sosial dan dari segi ekonomi. Dunia tidak seharusnya dipisahkan sebagai negara maju dan negara mundur, negara kaya dan negara miskin, negara utara dan negara selatan, negara timur dan negara barat, negara Islam dan bukan Islam. Dunia bukan galeri untuk mempamerkan peralatan perang. Dunia bukannya padang sasaran untuk menguji kehebatan senjata. Allah SWT tidak mencipta dunia untuk dimusnahkan oleh manusia.

42. Kita akan terus memainkan peranan dalam arus perdana hubungan antarabangsa. Kita akan berusaha memperkukuhkan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menjadi satu badan dunia yang kekal berkecuali, bebas, adil dan saksama, diterima dan dihormati serta mendapat kepercayaan semua negara. Adalah menjadi hasrat kita supaya PBB dapat berfungsi secara lebih bermakna dan lebih berkesan, lebih representatif sifatnya kepada realiti dunia semasa. PBB perlu diberikan kuasa bukan sahaja untuk menjamin keselamatan dan keamanan dunia, malah dapat menjamin kedaulatan kemerdekaan dan keutuhan wilayah sesebuah negara. PBB perlu diberikan peranan yang sewajarnya untuk memerangi keganasan.

43. Keganasan yang menasarkankan orang awam sebagai mangsa perlu ditentang secara tegas. Keganasan yang dilakukan oleh mana-mana pihak, baik oleh negara atau oleh mana-mana kumpulan militan tidak dapat diterima. Istilah "jihad" tidak harus disalahgunakan – tidak harus diselewengkan tafsirannya untuk menghalalkan keganasan. Perbuatan sedemikian hanya mencemarkan kesucian ajaran Islam. Islam sama sekali tidak menghalalkan keganasan. Keganasan jika dibiarkan akan membiakkan kezaliman yang tidak akan membawa sebarang faedah.

44. Dalam usaha membendung keganasan, isu-isu utama yang menyentuh rakyat di negara atau wilayah tertentu perlu diselesaikan secara adil. Malaysia akan terus berusaha mempengaruhi pendirian negara-negara Barat khususnya, supaya meneliti semula dan mengubah dasar-dasar mereka di Asia Barat. Pendirian mereka terhadap isu Palestin, dan tindakan-tindakan melampau negara-negara tertentu melanggar undang-undang antarabangsa seperti serangan ke atas Iraq, adalah antara faktor yang menyebabkan keganasan terus berlaku.

45. Kita menyokong supaya pembangunan Iraq pasca serangan luar dilaksanakan sepenuhnya di bawah pengawasan PBB. Kita akan aktif membantu usaha di bawah naungan PBB untuk memulihkan Iraq. Iraq adalah sebuah negara yang mempunyai nilai sentimental kepada umat Islam di seluruh dunia. Iraq bukan sahaja sebuah negara bangsa yang pernah merdeka dan berdaulat tetapi mempunyai kekayaan – memiliki kepakaran. Iraq adalah satu tamadun, satu simbol kehebatan Islam. Baghdad adalah sebuah kota yang pernah melahirkan ulama dan cendekiawan Islam

dalam pelbagai bidang. Baghdad adalah kota ilmu – gedung yang menghasilkan dan khazanah yang menyimpan tamadun berharga. Segalanya telah musnah – segalanya telah hancur. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama negara-negara Islam lain, memainkan peranan aktif, membantu proses pembangunan semula Iraq. Jika negara-negara Islam tidak tampil ke hadapan untuk berperanan aktif membantu pembangunan semula Iraq, dibimbangkan Iraq akan dibangunkan melalui pengaruh dan acuan orientalis barat.

PERJUANGAN BANGSA

Saudara-saudari

46. Kita bersyukur dan amat bersyukur atas segala nikmat dan rahmat. Namun kejayaan tidak akan kekal selamanya. Kejayaan akan tinggal dalam sejarah sebagai cermin lama untuk memapar wajah tua, jika kita gagal menghadapi cabaran semasa – cabaran yang senantiasa berubah, cabaran baru yang menuntut kepada pendekatan baru. Cabaran baru membawa gelombang baru yang perlu direnangi dengan azam dan tekad, dengan kesungguhan dan ketabahan.

47. Dunia global mencabar bangsa Melayu untuk berjiwa global, bangsa Melayu yang memahami senario global, bangsa Melayu yang dapat mengharungi gelombang global. Bangsa Melayu berilmu – berpengetahuan, menguasai kemahiran – menguasai teknologi. Bangsa Melayu yang berupaya bersaing – berupaya merangkaikan hubungan dengan bangsa-bangsa lain di dunia – yang setanding – berdiri sama tinggi – berlari sama pantas. Bangsa Melayu yang berupaya berkomunikasi dan berinteraksi melalui bahasa yang difahami oleh masyarakat global, misalnya Bahasa Inggeris. Bahasa yang memudahkan hubungan perdagangan dijalinakan secara efisien, bahasa yang dapat memudahkan penyebaran dan penguasaan ilmu secara berkesan.

48. Ahli-ahli UMNO perlu faham akan impak era baru ekonomi global kepada bangsa Melayu. Kita mahu menjadi bangsa yang maju, kita mahu Malaysia yang maju. Kita tidak dapat mengelak daripada bersaing dengan negara-negara maju dan negara-negara yang sedang meningkat maju. Kita perlu faham di peringkat global, tidak mungkin tergubal satu dasar khusus untuk membantu bumiputera. Ekonomi global tidak mengenali istilah kuota. Tidak akan disediakan projek khas untuk bumiputera. Kamus ekonomi global hanya mengiktiraf istilah-istilah seperti persaingan, kompetitif, produktiviti, inovasi, kreativiti, keaslian, kecekapan dan kecemerlangan.

49. Globalisasi dan liberalisasi menimbulkan cabaran kepada negara dan menimbulkan cabaran lebih besar kepada bumiputera. Kini kuasa pasaran berperanan lebih penting dan menjadi penentu. Mereka yang gagal bersaing akan kecundang. Tidak ada payung yang dapat memberikan perlindungan melainkan daya saing yang sedia terbina dalam urus niaga sesuatu kumpulan. Ekonomi global telah bergerak dari ekonomi berbentuk pengeluaran kepada ekonomi berpaksikan pengetahuan. Keuntungan tidak sekadar bersumberkan barangan yang dihasilkan tetapi melalui idea, melalui penciptaan dan melalui perisian yang menjadi hak milik.

Era baru ekonomi global menggunakan kayu ukuran – menggunakan dacing timbangan di peringkat global. Pengeluar barangan dari Kangar hingga ke Johor Baru, dari Klang hingga ke Tawau, perlu bersaing dengan pengeluar di Shanghai, di Tokyo, di Bangalore, di Los Angeles, di Johannesburg, di Milan dan di Sydney.

50. Dalam menghadapi cabaran global ini, langkah-langkah pengukuhan kerajaan dalam melaksanakan dasar untuk meningkatkan daya saing bumiputera perlulah dihalakan kepada sektor perkhidmatan dan sektor-sektor yang mempunyai nilai ditambah (value add) yang tinggi di samping mengenal pasti sumber pertumbuhan baru ekonomi. Kaedah pengeluaran berteknologi tinggi perlu diterokai, bukan sahaja di bidang perkhidmatan dan pembuatan tetapi dalam bidang pertanian dan bidang-bidang ekonomi prima. Begitu ramai orang Melayu luar bandar yang berkecimpung dalam sektor pertanian. Namun usaha mereka terbatas kepada hasil pertanian mentah dan belum proses. Satu pendekatan pertanian lebih produktif dan radikal perlu dilakukan segera sebagai salah satu pendekatan untuk menjadikan bidang pertanian memiliki nilai ekonomi tinggi.

51. Dalam kelajuan melaksanakan langkah pengukuhan untuk membantu bumiputera di era Dasar Ekonomi Baru, kita lebih menumpukan kepada kuantiti. Membantu seramai boleh bumiputera dalam usaha menyusun semula struktur ekonomi dan struktur sosial masyarakat supaya lebih seimbang di antara kaum. Usaha yang dilaksanakan memperlihatkan tanda-tanda positif di peringkat awal. Usaha meningkatkan pegangan ekuiti dan pemilikan harta bumiputera menampakkan hasil. Semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dalam tahun 1970, pegangan ekuiti bumiputera berada pada tahap 2.4 peratus, berjaya meningkat kepada 19.3 peratus pada tahun 1990. Nilai pegangan ekuiti bumiputera meningkat secara ketara dari 477 juta ringgit pada tahun 1970 kepada 20.9 bilion ringgit pada tahun 1990 dan berada pada tahap 73.2 bilion ringgit pada 2002. Peningkatan pegangan ekuiti bumiputera adalah hasil dari pelbagai usaha Kerajaan dengan menubuhkan syarikat-syarikat pelaburan dan saham amanah seperti Permodalan Nasional, Lembaga Urusan Tabung Haji dan sebagainya. Namun jangka masa dua puluh tahun masih tidak mencukupi untuk menghasilkan sasaran 30 peratus pegangan ekuiti bumiputera. Di sebaliknya, timbul kebimbangan apabila pegangan ekuiti bumiputera menguncup ke paras 18.7 peratus pada tahun 2002, penurunan 0.6 peratus.

52. Dasar Ekonomi Baru, disusuli dengan Dasar Pembangunan Negara telah berjaya menghasilkan golongan profesional, saintis dan teknologis di kalangan bumiputera. Jumlah profesional bumiputera berada di tahap 21 peratus pada tahun 1990 telah meningkat ke paras 30 peratus pada akhir tahun 2002. Sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan kadar kemiskinan keseluruhan di Malaysia dapat dikurangkan dari 52 peratus pada tahun 1970 kepada 5 peratus pada tahun 2002. Kadar kemiskinan penduduk luar bandar telah menurun dari 59 peratus pada tahun 1970 kepada 11 peratus pada tahun 2002. Pendapatan purata isi rumah Malaysia meningkat dari 660 ringgit sebulan pada tahun 1970 ke 2,966 ringgit pada tahun 2002.

53. Walaupun dasar-dasar yang diperkenalkan telah mempertingkatkan status ekonomi bumiputera, kejayaan sepenuhnya masih belum tercapai. Pencapaian secara keseluruhan masih di peringkat mutlak dan bukan dari segi relatif. Kita masih

melihat bahawa pendapatan isi rumah bumiputera berada di bawah pendapatan isi rumah kaum Cina. Golongan profesional bumiputera telah bertambah, tetapi jumlah profesional bukan bumiputera masih berada di hadapan.

54. Dalam keghairahan hasrat melaksanakan dasar untuk membantu bumiputera, didapati kita kurang memberi perhatian kepada aspek kualiti. Perlaksanaannya lebih mengutamakan jumlah tetapi kurang menitikberatkan faktor membina keupayaan dan nilai ditambah. Bumiputera lalu digambarkan sebagai kurang berdaya saing – kurang daya ketahanan. Pelbagai pihak telah menyeru supaya dilakukan satu anjakan sikap, satu revolusi mental bagi bumiputera. Bumiputera diseru supaya lebih berdikari, lebih mementingkan ilmu pengetahuan, lebih gigih berusaha, lebih kuat bekerja.

55. Revolusi mental ditegaskan amat penting dalam menghadapi dunia yang semakin kompetitif. Ekonomi negara kini menghadapi tekanan dari luar, seperti WTO dan AFTA, produk dan perkhidmatan kita menghadapi persaingan dari negara lain. Jika kita lambat menukar sikap – jika kita gagal meningkatkan daya saing, kita akan terus kehilangan pelaburan, kehilangan pekerjaan dan kehilangan peluang perniagaan kepada negara lain yang lebih efisien dengan kos pengeluaran yang lebih kompetitif.

56. Keadaan bumiputera yang masih tertinggal ini bukanlah satu kesedaran baru – bukan satu penyataan radikal. Majoriti bumiputera sedar akan keadaan ini dan kebimbangan mereka akan keadaan yang tempang ini. Ramai yang bertanggungjawab bahawa masalah bumiputera berpunca dari minda dan sikap. Bumiputera pula tidaklah menidakkan tanggapan ini. Sebenarnya, terdapat percanggahan di dalam pelbagai hujah dan pandangan. Ramai bumiputera menyeru supaya kita berubah sikap untuk membolehkan kita berdikari dan lebih berdaya saing, tetapi dalam nafas yang sama, tuntutan mahu diperbanyakkan bantuan, mahu diperluaskan perlindungan, terus disuarakan. Bumiputera dirasakan masih lemah dan belum bersedia menghadapi pasaran terbuka.

57. Bumiputera sedar bahawa dirinya bertongkat dan berhasrat mahu berjalan tanpa tongkat, tetapi masih berasa takut untuk membuang tongkat. Kerana kebimbangan ini, kembali berputik kecenderungan terhadap pendekatan lama, mencari jalan pintas dengan menyalahkan orang. Jika kecenderungan ini terus dibiarkan hidup subur, bumiputera berkemungkinan bertambah lemah, dari jalan bertongkat dibimbangkan menjadi semakin tidak upaya bersaing hingga satu hari nanti lumpuh dan perlu ditolak di kerusi roda.

58. Saya memahami kebimbangan yang dihadapi oleh bumiputera. Saya berpegang teguh kepada matlamat utama UMNO diwujudkan. UMNO diwujudkan untuk memperjuangkan hak bangsa Melayu. Saya berpegang teguh kepada agenda nasionalis bangsa Melayu. Adalah penting untuk kita berfikir secara kritikal dan menggariskan strategi perjuangan menghadapi globalisasi dunia. UMNO tidak harus membiarkan Melayu menerima sikap mengalah – sikap defeatis, sikap yang mengandaikan bahawa Melayu sememangnya ditakdirkan menjadi lemah sepanjang hayat.

59. Perjuangan terhadap hak dan nasib Melayu adalah perjuangan untuk memartabatkan bangsa. UMNO bertanggungjawab menolong bangsa Melayu menjadi lebih kuat, lebih upaya, lebih yakin, lebih berani. UMNO akan berusaha untuk membantu anak-anak Melayu mencapai prestasi akademik yang tinggi di sekolah dan di pusat pengajian tinggi. UMNO akan terus mendorong supaya pekerja dan profesional Melayu yang mendapat jawatan tinggi diasaskan kepada prestasi. UMNO akan membantu kemajuan usahawan dan perniagaan bumiputera. Tetapi dalam usaha tersebut UMNO harus menyediakan minda bangsa yang berupaya menghadapi realiti persekitaran perjuangan sebenar.

60. Jika kita jujur dengan diri, kita akan menerima hakikat bahawa tiada kekuatan hakiki bagi mereka yang memperoleh sesuatu dengan terlalu mudah. Tidak akan ada harga diri bagi mereka yang mendapat jawatan, peluang perniagaan atau biasiswa tanpa usaha dan keupayaan sebenar. Jika kita gagal membina daya saing bangsa, akhirnya kita akan menjadi bangsa yang kalah dan mengalah. Orang Melayu akan senantiasa dipandang rendah, orang Melayu akan terus merasa tidak yakin, orang Melayu akan dilihat sebagai beban oleh orang lain.

61. Kekuatan Melayu tidak seharusnya terbatas dengan kekuatan politik semata-mata. Kekuatan politik Melayu tidak mungkin dapat bertahan tanpa berakar kukuh dengan penguasaan ilmu, penguasaan kemahiran dan direndang dengan dahan-dahan penguasaan ekonomi, penguasaan sains dan penguasaan teknologi. Kuasa politik Melayu tanpa akar kekuatan sebenar begitu rapuh, begitu mudah ditumbangkan, malah begitu mudah digadai dan didagangkan. Kekuatan Melayu hendaklah diasaskan kepada harga diri. Kekuatan politik yang kita miliki hari ini hendaklah kita gunakan secara bijaksana untuk menggerakkan keupayaan bangsa supaya UMNO tidak lagi dilihat menjadi jurubicara dan pemudah cara kepada bangsa yang lemah.

62. Perangkaan menunjukkan bahawa prestasi ekonomi bukan bumiputera tumbuh lebih pesat. Ini bermakna semasa ekonomi berkembang pada kadar 8 peratus setahun pada awal tahun 1990an, bukan bumiputera dapat memanfaatkan pertumbuhan tersebut secara cekap dan bijak. Penurunan peratus pencapaian bumiputera secara relatif berpunca dari dua sebab. Pertama, kaum-kaum lain nyata lebih tekun berusaha dengan meletakkan fokus yang tepat lalu membolehkan mereka memiliki daya pecutan lebih laju, meletakkan mereka melonjak ke hadapan, di samping memiliki stamina untuk kekal lama dalam litar urus niaga. Kedua, yang lebih membimbangkan, kaum bumiputera tidak mempunyai daya bertahan yang lama, di samping berlakunya ketirisan kepada apa yang diperuntukkan sebagai pegangan bumiputera.

63. Bangsa Melayu perlu di ingatkan untuk kembali menghayati nilai-nilai murni yang menjadi sebahagian dari budaya bangsa. Budaya yang telah berjaya membina kekuatan dan tamadun bangsa. Kayakan bangsa dengan ilmu supaya mereka menjadi Melayu yang bijaksana,

Timang tinggi- tinggi, sampai cucur atap
Belum tumbuh gigi, sudah pandai baca kitab.

64. Bangsa Melayu adalah bangsa yang tekun – bangsa yang rajin berusaha seperti yang terkandung dalam pepatah, 'sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain', 'jika tidak dipecahkan ruyung di mana akan dapat sagunya'. Bangsa Melayu menyedari hakikat bahawa kesenangan tidak datang secara mudah, bahawa perlunya 'berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak', 'berakit ke hulu – berenang ke tepian, bersakit dahulu – bersenang kemudian', bahawa kekayaan itu perlu diusahakan secara tekun – secara gigih dan tidak berlaku secara mendadak, 'sikit-sikit lama-lama menjadi bukit'. Bangsa yang pada keseluruhannya sedar akan pentingnya amalan berhati-hati demi menjamin survival di hari muka, 'Jangan curahkan air tempayan bila mendengar guruh di langit' Akan baiknya membuat persiapan untuk menghadapi kemungkinan, lalu 'sediakan payung sebelum hujan'.

65. Tetapi! Apabila terdapatnya segelintir Melayu lebih terpengaruh kepada nilai-nilai negatif, maka rosaklah bangsa. Lalu terdapat Melayu yang 'sedia papa untuk bergaya', terdapat Melayu yang bersifat 'pagar makan padi', ada yang mengharap kepada 'bulat datang menggolek – pipis datang melayang'. Ada yang mengharap 'bulan jatuh ke riba'. Sedarlah! 'Si punggung boleh terus merindukan bulan tetapi bulan tidak pernah jatuh ke riba'. Akhirnya punggung merindu yang semakin pupus. Bulan tetap beredar di langit.

66. Kerana adanya Melayu yang terpengaruh dengan nilai-nilai negatif tersebut, terbinalah budaya kerja yang songsang, mengharap hasil lumayan tanpa mahu memeras otak – memerah keringat. Budaya kerja yang songsang ini bertanggungjawab kepada berlakunya ketirisan ekonomi yang diperuntukkan kepada bumiputera. Lalu segala usaha yang dicurahkan bagaikan menuang air ke pasir. Sebanyak mana sekalipun dituang, akan meresap ditelan bumi. Kerana adanya segelintir Melayu yang bersifat demikian, imej keseluruhan bangsa Melayu tercemar, kerana yang lain bagaikan terpalit lumpur – kerana putih susu di belanga beralih warna disebabkan nila setitik.

67. Jika kita benar-benar berhasrat membangunkan bangsa Melayu yang dihormati, kita wajib berusaha. Sekaranglah masanya untuk membina keupayaan dan daya saing Melayu. UMNO harus berusaha melahirkan lebih ramai tokoh Melayu yang setanding pemikiran dan kemahirannya dengan tokoh-tokoh di dunia global, sehingga terkumpul 'critical mass' yang dapat mencerminkan kejayaan bangsa secara tulen.

UMNO

Saudara-saudari

68. UMNO adalah parti politik terbesar di negara ini. Apa juga dasar yang ditetapkan oleh UMNO memberikan impak kepada seluruh warga Malaysia, malah mendapat perhatian dari negara-negara jiran dan juga dunia antarabangsa. Realiti masyarakat pelbagai agama – pelbagai kaum menuntut budaya saling menghormati – saling memahami di kalangan warga. Perpaduan warga yang berbilang agama – berbilang kaum adalah penentu kepada kestabilan politik, keamanan dan keharmonian negara. UMNO dan pimpinan UMNO hendaklah peka kepada isu-isu sensitif yang menyentuh agama, kaum, budaya dan bahasa. UMNO selama ini telah menunjukkan contoh terbaik. Kerana itu UMNO diterima oleh parti-parti komponen BARISAN NASIONAL untuk memimpin mereka dan UMNO diterima rakyat jelata untuk memimpin negara.

69. UMNO berperanan dan diterima sebagai peneraju pucuk pimpinan politik negara. Sekali gus kita menjadi peneraju kepada kerajaan yang diamanahkan kuasa oleh rakyat di negara ini. Di samping memimpin perjuangan bangsa Melayu, UMNO adalah juga untuk pemimpin warga Malaysia pelbagai agama – pelbagai kaum. Sesungguhnya rakyat telah memberi kepercayaan kepada parti kita untuk sekali lagi menubuhkan kerajaan. Rakyat meletakkan harapan untuk kita terus membawa kemajuan supaya negara kekal aman, lebih makmur dan bertambah padu.

70. Oleh itu UMNO harus mengamalkan satu bentuk etika dan disiplin di dalam parti untuk menjadi sebuah parti yang benar-benar dihormati dan disegani. UMNO tidak harus bermegah dengan angka keahlian yang ramai jika ahli-ahli di dalam UMNO tidak dapat mendukung nama baik UMNO. UMNO perlu tegas – UMNO tidak akan berkompromi dengan ahli-ahli yang merosakkan nama UMNO. Apatah lagi di kalangan mereka yang pernah mencerca, menghina dan menderhaka kepada UMNO. UMNO tidak harus membenarkan mana-mana pihak sekalipun memperalatkan UMNO untuk dijadikan tangga bagi melonjakkan mana-mana orang perseorangan.

71. Kekuatan UMNO adalah himpunan kekuatan tenaga bangsa secara kolektif, tenaga dan semangat dari ahli-ahli yang setia kepada parti, ahli-ahli yang mengabdikan diri berkhidmat untuk parti dan atas nama parti, sama ada yang menyandang jawatan, diberi pangkat, mahupun sebagai ahli biasa. UMNO akan menjadi parti yang lemah dan tidak mempunyai kekuatan secara berkesinambungan, jika, kekuatan parti disandarkan kepada mana-mana orang perseorangan. Tidak ada pemimpin – tidak ada individu yang akan kekal hidup selama-lamanya. Pemimpin datang dan pergi. Yang kekal adalah UMNO. Kepimpinan UMNO memperkasakan parti. Kekuatan UMNO meneguhkan kepimpinan.

72. Atas keinsafan pentingnya dibina satu budaya parti yang penuh disiplin dan sebagai menyahut permintaan majoriti ahli-ahli UMNO, Majlis Tertinggi berusaha dan berikhtiar menggariskan langkah-langkah untuk memantau urusan pemilihan pimpinan parti, dari peringkat cawangan membawa ke bahagian, hinggalah ke peringkat pimpinan Pergerakan-Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta Majlis Tertinggi. Setiap kali pemilihan diadakan, perwakilan membangkitkan suara menentang politik wang. Majlis Tertinggi diminta mengambil tindakan.

73. Segala langkah yang diambil oleh Majlis Tertinggi adalah pendekatan terbaik yang dapat kami fikirkan. Ianya mungkin belum yang terbaik. Namun, hakikatnya, disiplin diri datangnya dari dalaman. Tarikan yang terdorong oleh nafsu hanya dapat dikawal oleh fikiran yang rasional dan hati yang tulus. Betapa ruginya parti, kekuatan persepakatan yang kita padukan semasa menghadapi pilihanraya umum, kini bagaikan retak kerana proses pemilihan pemimpin parti. Surat layang kembali tersebar, fitnah kembali ditabur. Insaflah, dalam tempoh lima tahun dari sekarang, kita akan kembali menghadapi rakyat. Kita akan ditentang di setiap tempat oleh calon-calon parti lawan. Pemimpin dan ahli UMNO yang telah kita lukakan – yang telah kita calarkan, akan mempunyai parut. Mungkin kerana perbuatan kita, ada di antara rakan-rakan kita yang menjadi tempang – ada pula yang telah dicatitkan. Tidakkah kerana perbuatan kita hari ini, boleh menjadi punca kelemahan kita lima tahun dari sekarang.

74. Begitu mudah kita melupakan keadaan genting yang kita hadapi dalam pilihanraya umum 1999. Maruah parti baru kita tebus pada pilihanraya umum baru lalu. Malah terlalu baru untuk membolehkan kita mula bersengketa. Kita tidak akan hidup selamanya. Sebagai umat Islam setiap perbuatan kita disaksikan malaikat. Orang Islam itu adalah saudara mu. Ahli-ahli UMNO itu adalah rakan seperjuangan mu. Elaklah perbuatan yang boleh memberatkan timbangan dosa. Murnikanlah hati untuk menambahkan timbangan pahala.

75. Tanyalah pada hati, putuskanlah dengan pemikiran rasional, landaskanlah pertimbangan berasaskan matlamat untuk kebaikan parti – untuk kepentingan perjuangan. Pilihlah barisan pemimpin yang dapat bergerak secara kolektif memperkukuhkan parti, barisan pemimpin yang dapat memperjuangkan agama, negara, bangsa dan parti, barisan pemimpin yang dapat membawa UMNO, bangsa, negara dan agama mencapai puncak persada perjuangan.

76. Pilihlah barisan anggota Majlis Tertinggi dari kalangan orang-orang yang berwibawa lagi beramanah yang dapat memberikan pimpinan yang baik. Mereka yang kita pilih hendaklah memiliki keupayaan menjadi pemimpin nasional yang dihormati di dalam UMNO, pemimpin nasional yang disegani oleh parti-parti komponen BARISAN NASIONAL, pemimpin nasional yang diterima oleh rakyat. Keputusan pemilihan bukan hanya untuk memberi kemenangan kepada mana-mana individu, mana-mana kumpulan atau mana-mana negeri. Keputusan pemilihan ini hendaklah memberi kemenangan kepada parti dengan memberi barisan kepimpinan yang berwibawa. Kita tidak mahu berlakunya keadaan, individu menang – tetapi UMNO kalah.

77. Saya dan Dato' Sri Najib memerlukan bantuan dari satu pasukan kerja yang kuat di peringkat Majlis Tertinggi, dari kalangan mereka yang berpegang kuat kepada prinsip dan asas perjuangan, dari kalangan mereka yang bersemangat cecal – berjijwa kental. Mereka yang telah terbukti sanggup dan sedia berkorban untuk parti, untuk bangsa, untuk negara, untuk agama.

Sabda Rasulullah SAW

“Sebaik-baik pemimpin dan pemerintah kamu ialah mereka yang kamu kasihi dan mereka mengasihi kamu. Mereka mendoakan untuk kamu dan kamu mendoakan untuk mereka. Manakala pemimpin kamu yang jahat pula ialah mereka yang kamu benci dan mereka membenci kamu. Kamu mengutuk mereka dan mereka mengutuk kamu”

78. Sedarilah! bahawa tugas pemimpin itu amat berat. Tanggungjawab memimpin itu adalah satu amanah yang akan dinilai di dunia dan di akhirat. Manusia adalah makhluk yang telah berani mengambil tanggungjawab kepimpinan ini walaupun telah ditolak oleh makhluk-makhluk lain, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah surah al-Ahzab: 72,

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ
إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya), dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara yang tidak patut dikerjakan.”

79. Setiap seorang saudara-saudari hari ini memegang amanah – amanah dari ahli parti – amanah bangsa. Penentuan yang dibuat oleh saudara-saudari akan mempengaruhi corak dan warna, barisan pemimpin yang akan membantu tugas-tugas saya dan Dato’ Sri Najib nanti. Penuhilah amanah itu secara jujur – secara bertanggungjawab. Semoga Allah SWT memberikan petunjuk supaya parti kita berada di bawah barisan pimpinan yang terbaik – barisan pemimpin yang dapat membawa perjuangan parti mendapat keredaan ILAHI.

STRATEGI

Saudara-saudari

80. Kita adalah sebuah negara demokrasi. Kita menghargai pemilihan rakyat dan menghormati hak rakyat menentukan kerajaan. Tidak ada sebab mengapa mana-mana golongan perlu bertindak di luar lingkungan demokrasi atau di luar batasan undang-undang. Ketika sebilangan negara di dunia dilanda pelbagai ancaman yang menggugat kestabilan mereka, Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang aman dan selamat. Kita dapat membangunkan negara dan menikmati kejayaan kerana kita senantiasa dirahmati dengan adanya keamanan dan kestabilan politik. Kita wajib menghargai nikmat ini dengan penuh kesyukuran.

81. Perjalanan kita masih jauh. Agenda pembangunan bangsa dan negara masih banyak. Kita tetap bersama rakyat menjayakan program pembangunan negara dan bangsa. Apa juga halangan dan rintangan atau rusuhan dan keganasan, akan kita hadapi dengan penuh ketegasan berlandaskan undang-undang.

82. Agenda Melayu adalah asas perjuangan kita. Agenda yang harus diperjuangkan secara berterusan. Kemerdekaan negara harus membawa erti kepada bangsa Melayu. Pencapaian seimbang dan saksama di kalangan masyarakat Melayu dan bumiputera dengan kaum-kaum lain, adalah faktor penentu kepada sebuah negara yang stabil dan aman. Orang Melayu dan kaum bumiputera, akan menjadi lebih terbuka dan lebih bertoleransi sifatnya, jika, status sosial dan status ekonomi mereka berada di paras yang seimbang dengan kaum-kaum lain di negara ini.

83. Langkah-langkah pengukuhan masih perlu difikirkan tetapi perlu dilaksanakan dengan dimensi pendekatan untuk membina kekuatan bangsa menghadapi cabaran globalisasi. Agenda pembangunan bangsa hendaklah bertujuan untuk membina kapasiti bumiputera yang kompetitif. Bumiputera yang menghargai dan mengerti akan istilah meritokrasi. Bumiputera yang gigih berusaha untuk mencapai taraf yang dihormati, penghormatan yang disandarkan kepada merit.

84. Langkah-langkah pengukuhan perlu kita tumpukan untuk membina kapasiti bumiputera supaya dapat menguasai sesuatu secara berkekalan dan secara berpanjangan. Kita tidak lagi boleh meneruskan pendekatan memberi ikan tetapi kita perlu terus membantu membekalkan mata kail dan perahu, membekalkan pukot dan kapal, membekalkan kompas dan peta, supaya mereka sendiri berupaya mengharungi gelombang – dan bersedia mencari ikan di laut dalam. Percayalah! Yakinlah! Jika cabaran ini berani diambil, mereka akan mendapat ikan yang lebih besar atas usaha sendiri dari mengharap pemberian ikan yang telah berada di dalam kolam.

85. Sumber manusia bumiputera ini perlu ditingkatkan nilai ditambah mereka. Ilmu, pengetahuan dan kemahiran berperanan penting. Usaha meningkatkan kapasiti bumiputera untuk menguasai ilmu, menguasai pengetahuan dan menguasai

kemahiran perlu dilipat gandakan. Oleh itu, usaha melahirkan lebih ramai profesional, teknokrat dan usahawan bumiputera yang berkualiti merupakan satu tanggungjawab yang wajib kita laksanakan, dan dilaksanakan dengan segera. Usaha membangunkan Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera perlulah diberikan fokus dalam usaha membela nasib bangsa dan dalam hasrat mengimbangkan tahap pencapaian bumiputera dengan bukan bumiputera.

86. Usaha membasmi kemiskinan, sama ada kemiskinan mutlak mahupun relatif wajib ditingkatkan. Sektor pertanian berupaya memacu pertumbuhan ekonomi negara. Sektor pertanian yang maju memberi kesan langsung membangunkan ekonomi luar bandar. Majoriti petani yang berada di luar bandar terdiri dari orang-orang Melayu. Bertani adalah profesion kerja yang begitu sehati dengan masyarakat Melayu. Mereka memerlukan pembelaan agar taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Usaha-usaha akan diperhebat untuk membantu masyarakat tani meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan nilai ditambah kepada hasil pertanian mereka. Sektor pertanian perlu diperluas dan diperkasakan. Produktiviti petani perlu ditingkatkan dan pelbagai aktiviti hiliran ditambah nilai perlu diperbanyakkan. Industri kecil dan sederhana asas tani perlu dijayakan dengan penyertaan bumiputera seramai mungkin.

87. Langkah menyusun semula tenaga profesional perlu dilipat gandakan. Usaha-usaha secara lebih fokus perlu dirangka untuk meramaikan golongan menengah bumiputera supaya dapat menjadi pemangkin bagi memperbesarkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Di samping syarikat milik kerajaan, sektor swasta milik bumiputera hendaklah menunjukkan contoh membantu merealisasikan pencapaian semangat Dasar Ekonomi Baru dengan memberikan peranan lebih signifikan kepada tenaga profesional dan usahawan bumiputera. Kepada syarikat-syarikat milik bukan bumiputera, saya mengingatkan supaya mereka sama-sama mendukung aspirasi nasional ini dengan memberi kepercayaan kepada tenaga kerja profesional bumiputera terutama di peringkat pengurusan tinggi.

88. Saya menyeru kepada bumiputera yang telah berjaya supaya tampil ke hadapan bersama membantu hasrat – bersama menyokong usaha untuk melahirkan lebih ramai masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, masyarakat usahawan bumiputera, masyarakat profesional dan teknokrat bumiputera, masyarakat sains dan teknologi bumiputera. Jadikanlah hasrat ini sebagai satu aspirasi bersama bangsa Melayu – bangsa Melayu yang tidak redha melihat ayam kelaparan di kepuk, itik kehausan di air, anak di riba mati tak makan.

89. Melahirkan Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera adalah satu keperluan kritikal. Untuk itu kaedah pendidikan yang menggalakkan kecenderungan kepada kreativiti dan penyelidikan hendaklah diberikan keutamaan. Pendidikan yang mengutamakan kualiti adalah satu kemestian. Pendidikan vokasional dan latihan kemahiran perlu dirangka selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

90. Program pendidikan hendaklah holistik sifatnya. Di samping membekalkan ilmu, pengetahuan dan kemahiran, di samping membantu pembangunan intelek, ia juga bertanggungjawab membina insan secara menyeluruh dari segi pembangunan rohani, jasmani, sosial dan moral. Warga muda Malaysia hendaklah dididik mempercayai kepada tuhan, berakhlak mulia, menghargai nilai keluarga, berkeyakinan, dan patriotik terhadap negara.

91. Lebih 70 peratus penduduk negara berusia di bawah empat puluh tahun dan hampir 50 peratus penduduk adalah wanita. Wanita dan golongan muda adalah aset berharga penuh potensi. Pandangan kumpulan ini sangatlah penting untuk ditimbangkan dalam merangka dasar-dasar negara. Wanita dan golongan muda perlu di bawa bersama di peringkat perundingan, di peringkat perancangan dan diuji, malah diberikan kepercayaan di peringkat pelaksanaan. Wanita dan golongan muda adalah tenaga berpengaruh yang akan menentukan kejayaan kita. Untuk itu, dasar-dasar yang digariskan oleh negara tidak harus menyisihkan kumpulan ini. Kumpulan ini perlu di bawa bersama untuk memahami dan menyertai perjuangan kita. Kita pula wajib memahami idealisme dan cita rasa kumpulan ini.

92. Kesungguhan dan komitmen semua pihak diperlukan dalam melaksanakan agenda memartabatkan bangsa Melayu. Ia adalah usaha jangka panjang. Ia menuntut kepada ketabahan, kesabaran, kesungguhan dan pengorbanan. Ia melibatkan pembangunan sikap. Ia melibatkan pembangunan mental.

93. Agenda dan usaha ini tidak terpikul oleh kerajaan semata-mata. Agenda dan usaha memartabatkan bangsa adalah tanggungjawab bagi setiap mereka yang sayang dan kasih kepada bangsa. Badan-badan swasta milik bumiputera dan individu bumiputera yang telah mendapat nikmat awal – yang telah mencapai kejayaan, hendaklah memainkan peranan sebagai pemangkin untuk melahirkan lebih ramai bumiputera yang berjaya. Alangkah kuatnya asas ekonomi bangsa, jika bumiputera yang telah pernah diberikan pertolongan – yang telah diberikan kemudahan sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, lebih ramai yang mencipta kejayaan pada hari ini. Tentulah mereka dapat memberikan kesan pertambahan secara mendadak membangunkan lebih ramai anak bangsa khususnya Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

94. Masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan dalam usaha memartabatkan bangsa yang memerlukan kita bermuhasabah. Kita jangan hanya mencari kelemahan kerajaan – carilah juga kelemahan diri sendiri. Dalam mengharapkan peranan kerajaan, kita juga mesti sanggup mengambil tanggungjawab. Kita sendiri hendaklah bersedia melakukan perubahan untuk membawa pembaharuan, bermula dari dalam diri – bermula dari dalam parti.

95. Oleh itu, kita memerlukan keteguhan iman, ketangkasan mental dan kekuatan fizikal. Pendekatan menjayakan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang dapat memperkasa perjuangan bangsa yang lebih besar, di dunia dan di akhirat.

PENUTUP

Saudara-saudari

96. Kuasa politik yang kita miliki ini hendaklah kita optimumkan penggunaannya untuk mengorak perubahan – untuk membawa pembaharuan. Di tahun 2020, sesuai dengan sasaran menjadi negara maju, bangsa Melayu hendaklah menjadi warga yang memiliki sifat-sifat positif sebagai peneraju utama sebuah negara maju. Bangsa Melayu di tahun 2020 hendaklah dihormati, berpendidikan tinggi, berkemahiran, berdiri sama tinggi, berlari sama pantas. Jadikanlah ini azam. Bangunlah bangsaku! Wanita, pemuda dan puteri bangsaku, membina Melayu berjiwa berani, Melayu berilmu, Melayu berkemahiran, Melayu berdikari – Melayu yang sukses, Melayu yang berjaya, sama ada nelayan atau petani, guru atau pendita, peniaga atau usahawan, penulis atau penerbit, pentadbir atau pengurus. Bangunlah bangsaku! Bangunlah bangsaku! Tanah dan air ini adalah tanahair pusaka bangsa kita. Kitalah yang akan memberikan nilai. Kitalah yang akan menentukan maruah kedaulatannya. Ingatlah bangsaku! Jangan kalah dalam saingan – perlu menang dalam perjuangan.

97. Kepada Allah SWT kita mohon mendapat petunjuk dan hidayah memandu kita atas jalan siratulmustaqim, jalan yang mendapat keredaan dariNya.

BERSATU! BERSETIA! BERKHIDMAT!

HIDUP UMNO!

HIDUP MELAYU!